



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM SEJARAH

## Tajuk: Pengekalan Warisan Budaya Malaysia

**Nilai Teras:** Hormat-menghormati

**Masa:** 1 jam

**SK:** 9.1 Warisan Negara Bangsa

**SP:** K9.1.6 Menjelaskan rasa bangga terhadap warisan negara bangsa.

### Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menyenaraikan enam ciri-ciri negara bangsa yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka.
2. Menjelaskan adat warisan yang diamalkan oleh rakyat Malaysia.
3. Mencadangkan cara untuk mengekalkan dan mempertahankan warisan negara bangsa.

### Aktiviti Literasi Sivik: Set induksi

1. Guru menunjukkan rakaman tentang Muzium Kesultanan Melayu Melaka dari:

- <https://www.youtube.com/watch?v=F-iaOjFYZag>
- <https://www.youtube.com/watch?v=FodOucUKC-s>
- <https://www.youtube.com/watch?v=WZXXRmbi3sU>

### Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru berosal jawab dengan murid tentang ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.
2. Murid diminta membincangkan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka yang masih kekal hingga kini.

### Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi satu gambar besar tentang kaum yang mewakili rakyat Malaysia.
3. Berdasarkan gambar tersebut, ahli kumpulan akan mengadakan perbincangan tentang adat warisan yang diamalkan oleh kaum tersebut.



### Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Setiap kumpulan dikehendaki mencadangkan aktiviti yang boleh dijalankan semasa Bulan Perpaduan untuk mengekalkan dan mempertahankan adat warisan negara bangsa.
2. Ahli kumpulan akan membentangkannya dalam bentuk infografik.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)